

Headline	Keunikan Malaysia gamit pelajar Jepun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	N2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	179 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,037
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,111



# Keunikan Malaysia gamit pelajar Jepun

**Seremban:** Pelajar Sekolah Tinggi Fuji di Tokyo, Jepun, Yoichiro Yamakami, hanya mengambil masa beberapa hari selepas menjejakkan kaki di negara ini untuk mempelajari Bahasa Melayu.

“Selamat sejahtera, terima kasih dan hingga berjumpa lagi”, antara perkataan yang kini dikuasai pelajar berusia 16 tahun itu.

Beliau antara 198 pelajar sekolah itu yang datang ke negara ini selama empat hari untuk melawat tempat menarik, termasuk menyertai program Pertukaran Kebudayaan dan Pembelajaran di Sekolah Menengah (SM) Teknik Tuanku Ja’afar, di sini, semalam.

“Sebelum datang ke Malaysia, saya terlebih dulu mempelajari budaya tempatan dan bahasa Inggeris untuk lebih mudah sepanjang lawatan ini,” katanya.

Antara pengalaman menarik sepanjang di negara ini, katanya, bermain permainan tradisional seperti batu seremban dan congkak serta menganyam ketupat.

Rakannya, Sekiguchi Karen, 17, pula berkata setiap detik di negara ini berharga dan berasa seronok

walaupun cuaca panas.

## Rakyat peramah

“Rakyat Malaysia peramah dan banyak memberi tunjuk ajar kepada saya,” katanya yang berharap dapat berkunjung lagi ke negara ini untuk tempoh lebih lama.

Sementara itu, Pengetua Sekolah Tinggi Fuji, Tetsuo Hisanaga, berkata Malaysia dipilih kerana mempunyai kepelbagaian budaya.

“Jepun mempunyai satu bangsa dan budaya. Oleh itu, kedatangan pelajar ke negara ini akan mendedahkan mereka terhadap suatu keadaan yang sungguh unik kerana rakyat pelbagai budaya dan agama dapat hidup dengan aman,” katanya.

Katanya, selain bandar ini, mereka mengunjungi Batu Caves, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Kepong selain melawat kampung dan mencanting batik di Kuala Lumpur.

Pengetua Cemerlang SM Teknik Tuanku Jaafar, Noraziah Ramli, berkata pelbagai aktiviti diatur untuk membolehkan pelajar Jepun mempelajari budaya tempatan.

Headline	Keunikan Malaysia gamit pelajar Jepun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	N2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	179 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,037
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,111



Pelajar Sekolah Tinggi Fuji, Tokyo **mencuba menganyam ketupat** pada program lawatan pertukaran kebudayaan pembelajaran di SM Teknik Tuanku Jaafar.

[ FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH ]